



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 23 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	YKN Spreads Deepavali Joy To 300 Needy Residents In Selayang https://thesun.my/malaysia-news/ykn-spreads-deepavali-joy-to-300-needy-residents-in-selayang-JL13182290 https://headtopics.com/my/ykn-spreads-deepavali-joy-to-300-needy-residents-in-selayang-60672863 https://www.youtube.com/watch?v=W9UNbHPHAq4	The Sun Head Topics Tamil Nesan TV Malaysia	Neutral
2.	KPWKM Terus Beri Perhatian Isu Keganasan Rumah Tangga – Noraini https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-terus-beri-perhatian-isu-keganasan-rumah-tangga---noraini-492949 https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2355029 https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-tetap-tumpu-isu-keganasan-rumah-tangga-walaupun-kes-menurun/ https://malaysiagazette.com/2024/10/22/kpwkm-fokus-tangani-isu-keganasan-rumah-tangga/ https://www.bernama.com/en/news.php?id=2355018	Astro Awani Bernama Buletin TV3 Malaysia Gazette Bernama	Neutral

	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/14495/isu-keganasan-rumah-tangga-tetap-diberi-perhatian-walaupun-kes https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-noraini/	Berita Harian Utusan	
3.	Banjir Semakin Pulih, Jumlah Mangsa Di Selangor, Perak Menurun https://www.sinarharian.com.my/article/692381/berita/semasa/banjir-semakin-pulih-jumlah-mangsa-di-selangor-perak-menurun#google_vignette https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2355137 https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-semakin-pulih-jumlah-mangsa-di-selangor-dan-perak-menurun/ https://www.kosmo.com.my/2024/10/22/465-mangsa-banjir-di-perak-selangor/ https://thesun.my/cerita/berita/468-mangsa-banjir-masih-berlindung-di-pps-IL13183380 https://utusanarawak.com.my/mangsa-banjir-di-perak-selangor-menurun-tiga-pps-dibuka-di-sarawak-kuala-lumpur/	Sinar Harian Bernama Buletin TV3 Kosmo The Sun Utusan Sarawak	Neutral
4.	Ditawar Jadi Pengasuh, Wanita Hampir 'Dijual' Ke Myanmar https://www.buletintv3.my/jenayah/ditawar-jadi-pengasuh-wanita-hampir-dijual-ke-myanmar/	Buletin TV3	Neutral
5.	KWAP Rangka Pelan Menyeluruh Tingkat Kualiti Hidup Pesara, Warga Emas https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/10/1314570/kwap-rangka-pelan-menyeluruh-tingkat-kualiti-hidup-pesara-warga	Berita Harian	Neutral

6.	<p>Kerajaan Pastikan Kebajikan Golongan Warga Emas Terus Dipelihara: James</p> <p>https://www.borneodailybulletin.com/kerajaan-pastikan-kebijakan-golongan-warga-emas-terus-dipelihara-james/</p>	Borneo Daily Buletin	Neutral
7.	<p>Pelaburan Bagi Kesejahteraan Kanak-Kanak Bukan Sekadar Kewajipan Moral - Abang Jo</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelaburan-bagi-kesejahteraan-kanak-kanak-bukan-sekadar-kewajipan-moral--abang-jo-492920</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/dasar-kanak-kanak-yang-kukuh-komprehensif-pemangkin-pembangunan-mampan-negara/</p> <p>https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2354943</p>	Astro Awani Buletin TV3 Bernama	Neutral
8.	<p>Keluarga Bayi 28 Hari Ada Masalah Injap Jantung Sempit Mohon Bantuan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1314686/keluarga-bayi-28-hari-ada-masalah-injap-jantung-sempit-mohon-bantuan</p>	Berita Harian	Neutral

MALAYSIA
MADANI

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

YKN SPREADS DEEPAVALI JOY TO 300 NEEDY RESIDENTS IN SELAYANG



KUALA LUMPUR: The joy of Deepavali came early for 300 residents in Selayang, near here, when they received aid in the form of RM100 worth of food items today, in conjunction with the Festival of Lights.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the initiative was a collaborative effort between Yayasan Kebajikan Negara (YKN) and 99 Speedmart.

“I welcome the involvement of more parties, including corporate bodies, government departments, non-governmental organisations, and individuals, to contribute to YKN’s efforts to assist those in need.

“Each cash donation will be given a tax exemption in accordance with Subsection 44(6) of the Income Tax Act 1967,” said Nancy, who is also the YKN chairman, during her speech at the Sinar Kasih Deepavali programme here today.

One of the recipients, 70-year-old retiree S. Puspam, expressed his gratitude for the contribution, describing it as a great relief that helped ease his financial burden ahead of the Deepavali festival.

“I’m very happy to have received so many items. I won’t have to worry about preparing for the upcoming Deepavali. Thank you very much to YKN,” he said.

R. Nanthini, 36, stated that the initiative was in line with the government’s efforts to address the rising cost of living.

“The goods in the market are quite expensive, so you have to think carefully before making a purchase. I’m very thankful to the government for understanding the difficulties we face, especially with the festival approaching,” said the housewife.

KPWKM TERUS BERI PERHATIAN ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA – NORAINI



Noraini ketika ditemui pemberita selepas hadir Majlis Konvensyen Pemerkasaan Wanita, Keluarga & Masyarakat Peringkat Negeri Johor 2024 di Kompleks Sukan Educity pada Selasa. - Foto BERNAMA

ISKANDAR PUTERI: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) akan terus memberikan fokus terhadap isu keganasan rumah tangga, kata Timbalan Menteri berkaitan Datuk Seri Noraini Ahmad.

Beliau berkata sebanyak 577 kes direkodkan tahun lepas menerusi statistik penderaan membabitkan wanita oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) iaitu peningkatan daripada 422 kes pada 2022 dan untuk tahun ini sehingga Ogos sebanyak 442 kes dilaporkan.

"Walaupun kerajaan telah menguat kuasa Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, namun isu kekerasan dalam rumah tangga masih menjadi masalah serius. Masih ramai mangsa, terutama wanita dan kanak-kanak, menghadapi kesulitan untuk mendapatkan perlindungan dan sokongan.

"Selain itu, beberapa isu lain yang harus juga diberi perhatian bersama seperti isu pengabaian anak, kesihatan mental serta isu-isu berkaitan perkahwinan dan perceraian dalam kalangan pasangan yang secara tidak langsung boleh merapuhkan peranan dan fungsi institusi kekeluargaan di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Konvensyen Pemerkasaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat peringkat negeri (Komentari 2024) di Kompleks Sukan Educity di sini, pada Selasa.

Noraini berkata masyarakat memainkan peranan yang sangat penting terutama dalam memberikan bantuan secara langsung bagi kes penderaan atau jenayah melibatkan keganasan keluarga.

Bagi Johor katanya sebanyak 21,074 kes yang merangkumi kategori kanak-kanak, dewasa, Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas telah diberikan intervensi krisis oleh Sukarelawan Kaunselor Berdaftar (SKB) meliputi sesi kaunseling individu, pasangan, keluarga dan kelompok kepada komuniti.

"Kami percaya dengan penglibatan lebih ramai ahli komuniti bersama pihak kerajaan, seperti menyertai Skwad Waja di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) boleh membantu lebih ramai rakyat negeri ini menempuhi masalah mereka," katanya.

DITAWAR JADI PENGASUH, WANITA HAMPIR 'DIJUAL' KE MYANMAR



KUALA LUMPUR: Seorang wanita hampir 'dijual' ke Myanmar selepas terpedaya tawaran lumayan sebagai pengasuh oleh pasangan yang mengaku bekerja sebagai konsulat asing di Bangkok, Thailand.

Huda, 41, berkata pasangan terbabit menawarkan upah RM2,000 untuk bekerja kononnya sebagai pengasuh bergerak atau travel nanny pasangan itu selama empat hari semasa percutian mereka di negara berkenaan.

Menurutnya, dia mula berasa musykil apabila aplikasi Google Map menunjukkan dia dibawa menaiki kereta selama enam jam daripada Lapangan Terbang Bangkok menuju ke Mae Sot, Tak di Thailand berhampiran sempadan dengan 'hotspot' aktiviti sindiket di Myawaddy, Myanmar.

"Bila sampai di pekan Tak, ada polis sempadan tahan kereta dan minta pasport ..jadi saya nekad minta tolong lalu bertanya jika ada anggota polis yang boleh berbahasa Inggeris.

"Saya beritahu polis itu yang saya ditipu, ketika itu pemandu kereta paksa saya berikan pasport kepada polis tetapi saya enggan.

"Dalam keadaan kelim kabut polis tahan kereta kami ke tepi dan menyoal pemandu berkenaan.

"Bagaimanapun, pemandu itu tidak mengaku, katanya dia tidak tahu menahu selain tidak pandai berbahasa Inggeris malah pemandu itu juga mengambil wang tunai yang saya bawa berjumlah RM2,000," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Huda berkata, dia menggeletar selepas menyedari dirinya hanya selangkah lagi sebelum menjadi tebusan sindiket di Myanmar dan bersyukur diselamatkan polis terbabit.

Menurutnya, sepanjang lima tahun berkecimpung dalam bidang berkenaan itu kali pertama dirinya menempuh detik cemas seperti itu.

Katanya, sebelum ini dia bekerja sebagai pengasuh bergerak di beberapa negara lain dengan mengenakan bayaran RM240 sehari dan mengakui tawaran upah lebih dua kali ganda ditawarkan pasangan itu sedikit mengaburi matanya.

“Selalunya saya caj RM240 sehari tetapi pasangan ini tawarkan kepada saya RM2,000 secara sekali gus untuk kerja selama empat hari.

“Malah kesemua perbelanjaan termasuk tiket penerbangan semuanya ditanggung. “Saya ada iklan perkhidmatan di media sosial dan pasangan itu menghubungi saya menerusi WhatsApp sebelum menemubual saya menggunakan aplikasi Zoom.

“Pasangan berkenaan bercakap dalam bahasa Indonesia, dan mereka menjawab soalan yang saya tanya dengan jawapan yang masuk akal,” katanya.

Menurutnya, dia bertolak ke Bangkok pada 13 Oktober dan dimaklumkan oleh pasangan berkenaan ada seseorang akan menyambutnya di lapangan terbang untuk sebelum dibawa berjumpa mereka.

Katanya, sejeurus mendarat seorang lelaki berpakaian seragam dipercayai salah satu agensi pihak berkuasa Thailand menyambut ketibaannya dan membawanya ke sebuah syarikat pelancongan.

“Saya syak lelaki berkenaan adalah pegawai kastam berdasarkan pakaian seragam dan tag dipakainya dan kehadirannya menyambut saya di kawasan sebelum kaunter pemeriksaan imigresen.

“Disebabkan itu saya memilih untuk pulang ke Malaysia menggunakan tren kerana khuatir identitinya dikenali jika pulang dengan kapal terbang,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agong Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim berkata sindiket perdagangan manusia kini menggunakan pelbagai helah.

Katanya, orang ramai diminta berhati-hati dengan sebarang tawaran pekerjaan terutama membabitkan negara jiran seperti Thailand dan Myanmar.

PELABURAN BAGI KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK BUKAN SEKADAR KEWAJIPAN MORAL - ABANG JO



Amar Douglas pada majlis perasmian "Regional Social Policy Conference 2024: Prioritizing Investments in Children on a Changing Region", pada Selasa. - Foto BERNAMA

KUCHING: Pelaburan bagi kesejahteraan kanak-kanak bukan sekadar kewajipan moral semata-mata, tetapi ia juga adalah satu keperluan ekonomi, kata Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Beliau berkata kajian menunjukkan bahawa pelaburan awal dalam pendidikan dan kesihatan memberikan pulangan yang signifikan, bukan sahaja kepada individu tetapi juga masyarakat.

"Dasar sosial memainkan peranan penting dalam menangani cabaran-cabaran ini. Ia bukan sekadar jaringan keselamatan, ia adalah asas untuk pembangunan mampan.

"Dengan melabur dalam sistem perlindungan sosial, kita boleh memberikan sokongan kepada golongan paling rentan, termasuk migran, penduduk setinggan dan mereka yang terjejas oleh perubahan iklim," katanya ketika berucap pada Persidangan Dasar Sosial Serantau Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia di sini pada Selasa.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Premier Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Persidangan Dasar Sosial Serantau selama dua hari yang bermula pada Selasa akan memberi tumpuan kepada kepentingan melabur dalam masa depan kanak-kanak, manakala Forum @KitaConnect pada 9 Nov bakal menonjolkan pemimpin muda yang memperjuangkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).


Abang Johari berkata di Sarawak, kerajaan negeri telah membuat kemajuan besar dalam mempertingkatkan rangka kerja perlindungan sosialnya dengan inisiatif yang bertujuan memastikan tiada kanak-kanak tercicir.

Beliau berkata sejak 2020, Sarawak telah memperkenalkan elaun selepas bersalin (Bantuan Ibu Bersalin) kepada wanita hamil dan kanak-kanak, bersama dana endowmen bagi meningkatkan kesejahteraan kewangan kanak-kanak pada masa hadapan.

"UNICEF melaporkan bahawa bagi setiap dolar yang dilaburkan dalam pembangunan awal kanak-kanak, terdapat pulangan sehingga AS\$12 dalam faedah ekonomi.

"Ini adalah hujah yang menarik mengapa kita perlu mengutamakan pelaburan kita kepada kanak-kanak. Tenaga kerja masa depan di rantau kita bergantung pada keputusan yang kita buat hari ini, " tambahnya.

KELUARGA BAYI 28 HARI ADA MASALAH INJAP JANTUNG SEMPIT MOHON BANTUAN



KUALA KRAI: Berat ujian ditanggung pasangan suami isteri ini apabila anak perempuan mereka yang baharu dilahirkan pada bulan lalu disahkan menghidap saluran injap jantung sempit dan terpaksa bergantung sepenuhnya pada mesin bantuan pernafasan.

Ibunya, Siti Norhasirah Ya, 30, berkata, anaknya, Wan Nur Adyrah Humairah Wan Badrul Hisyam yang berusia 28 hari kini ditempatkan di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP) Kuala Krai untuk pemantauan rapi disebabkan kekurangan oksigen.

Katanya, anak bongsu daripada dua beradik itu dilahirkan menerusi pembedahan di HSIP Kuala Krai pada 26 September lalu dan sebaik dilahirkan wajah Wan Nur

Adyrah Humairah bertukar kebiruan selain bacaan oksigen di dalam badannya juga menurun.

"Ujian dibuat mengesahkan bayi saya menghidap penyakit 'transposition of the great arteries' (TGA) dan terpaksa dipindahkan ke Hospital Universiti Sains (USM) Kubang Kerian untuk menjalani pembedahan bagi membuka saluran pernafasan.

Disyorkan

"Pada ketika itu, perasaan saya bercampur antara sedih dan runsing memikirkan nasib anak yang masih kecil ini," katanya katanya ketika ditemui di HSIP, Kuala Krai.

Katanya, selepas menjalani pembedahan pada 28 September lalu, Nur Adyrah Humairah ditempatkan di NICU Hospital USM selama 10 hari sebelum dimasukkan semula ke dalam NICU HSIP untuk lawatan selanjutnya.

"Pakar perubatan di Hospital USM hanya mampu menjalankan pembedahan sementara bagi membuka saluran darah ke injap jantung anak saya sementara menunggu pembedahan ke Institut Jantung Negara (IJN) yang dijadualkan pada 29 Oktober ini, namun bergantung pada tahap kesihatan Wan Nur Adyrah Humairah," katanya.

Terdahulu, Pengerusi NGO Cempaka Merah Asnaf Society, Che Norhayati Mohamed menyampaikan sumbangan zakat kepada Siti Norhasirah bagi meringankan beban yang ditanggung.

Ibu kepada dua cahaya mata ini berkata, adakalanya dia sendiri tidak sanggup melihat penderitaan ditanggung Wan Nur Adyrah Humairah dalam usianya yang masih kecil dan belum mengerti apa-apa, termasuk setiap kali tubuh kecilnya disuntik ubat.

"Hati ibu mana yang tidak sedih melihat bayi dikandung dan dalam usia masih kecil berdepan masalah jantung.

"Saya reda dengan ketentuan ini dan tidak putus berdoa kepada Allah SWT supaya Wan Nur Adyrah Humairah dapat sembuh dan menjalani kehidupan normal seperti bayi lain," katanya.

Dalam pada itu, Siti Norhasirah berkata, mereka sekeluarga kini hanya bergantung kepada pendapatan suaminya, Wan Badrul Hisyam Wan Zainal, 31, yang bekerja sebagai pemandu lori dengan pendapatan RM1,500 sebulan bagi menampung kos rawatan anak mereka selain keperluan harian.

"Sejak bayi kami dilahirkan dan sehingga kini, suami saya terpaksa mengambil cuti tanpa gaji bagi menguruskan keperluan saya dan Wan Nur Adyrah Humairah selain perlu berulang alik ke HSIP," katanya.